

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN ISNARAISSAH MUNIRAH MAJILIS  
[ KOTA BELUD ]**

**TARIKH : 4 NOVEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan status pengembalian SESB kepada Kerajaan Negeri Sabah yang baru sama ada akan diteruskan atau tidak.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Kerajaan Persekutuan komited untuk meneruskan penyerahan kuasa pembekalan elektrik dan Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) kepada Kerajaan Negeri Sabah dan memulakan rundingan dengan Kerajaan Negeri Sabah yang baharu dibentuk.
2. Bagi tujuan ini, Kementerian akan memulakan rundingan penyerahan pembekalan elektrik dan SESB kepada Kerajaan Negeri Sabah setelah cadangan balas terhadap permohonan-permohonan Kerajaan Negeri Sabah diluluskan oleh Jemaah Menteri.

Sekian, terima kasih.